



e-PROCEEDING

OF 4th INTERNATIONAL CONFERENCE ON
MEDIA AND SOCIETY (iC-MAS2022)

Communicating Cultural Heritage:

Inclusivity in Changing Landscapes

**20-21 December 2022
Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)**



UNIMAS | FACULTY OF
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK | LANGUAGE & COMMUNICATION

Organised by
**Strategic Communication Programme
Faculty of Language and Communication
Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)**

Community-Driven University For A Sustainability World

Edited by Faidz Felani Majeri
 Su-Hie Ting
 Vimala Govindaraju

Cover Illustration by Suraya Bakeri

© 2023 Universiti Malaysia Sarawak
94300 Kota Samarahan
Sarawak, Malaysia

All rights reserved; no part of this publication may be reproduced, stored or transmitted in any form or by any means without prior written permission of the copyright holder.

The proceedings have been edited for format and layout, but content and language errors remain the responsibility of the author(s). The proceedings are not refereed. Papers which fall too far from specified requirements could not be included in the proceedings.

National Library of Malaysia Cataloguing in Publication Data
eISBN 978-967-0054-52-0

Table of Contents

No	Title	Page
1.	Application of Propaganda Techniques by Barisan Nasional in Malacca's State Election 2021 Faridah Dahalan, Ahmad Rizalman Jamal, Kamarul Ariffin, Amalina Jemail & Shamsiah Abd Kadir	1
2.	Could National Museums in Malaysia Provide Varieties of Storytelling on Malay Ethnicities? Yi-Chang Chang & Noor Azmira Mohamed	14
3.	Enhancing Brand Love via Branding Architecture Among Telecommunication Service Provider Users Al Amirul Eimer Ramdzan Ali, Nurzali Ismail & Ahmad Syahmi Ahmad Fadzil	20
4.	Usage of Social Media Related to Muslim Friendly Hospitality Tourism among Users Rosninawati Hussin, Norhayati Rafida Abdul Rahim, Safiyyah Ahmad Sabri & Ahmad Ihab Uwais	32
5.	Investigating Influencing Factors of EFL Preservice Teachers' Identity Construction in Rural Areas Kunto Nurcahyoko, Wanda Giovani & Elisabet Nanda Ayu	46
6.	Hypercorrection among Native Speakers of Bidayuh Biatah when Speaking English Leonardo Ginyun	57
7.	Social Media Usage by Book Publishers in Nigeria: A Social Strategy Cone Perspective Abdulrasheed A. Afolabi & Izzal Asnira Zolkepli	68
8.	Intangible Cultural Heritage and Cultural Knowledge: A Study on the Bidayuh Folktales, Dondan Yvonne Michelle Campbell	80
9.	Tahap Pengetahuan, Sikap dan Kesiediaan Belia Terhadap Pengundian Seawal Umur 18 Tahun di Daerah Batang Padang, Perak Joekryno Joni, Khairul Azam Bahari & Siti Nor Amalina Ahmad Tajuddin	95
10.	Pemahaman Komuniti Maya Terhadap Konsep Kawalan Sosial Mohamad Nazrul Mohd Azmian, Muhammad Ridhwan Sarifin, Jusang Bolong, Nurhafizah Yusoff, Muhammad Hariz Adnan & Mohd Syariefudin Abdullah	110

11.	Kesejahteraan Komunikasi Sebagai Peramal Perpaduan Komuniti di Sarawak Syufiza Iskandar, Jamilah Maliki & Dayang Aizza Maisha Abang Ahmad	121
12.	Kata Kerja dalam Bahasa Iban: Suatu Analisis Morfologi Claudia Vica Bandan & Norazuna Norahim	136
13.	Kesan Pencerobahan Nelayan Asing Terhadap Sosioekonomi Masyarakat Nelayan Tempatan Di Pantai Barat Sabah Astri M Fadzli	145

KESEJAHTERAAN KOMUNIKASI SEBAGAI PERAMAL PERPADUAN KOMUNITI DI SARAWAK

Syufiza ISKANDAR*¹
Jamilah MALIKI²
Dayang Aizza Maisha ABANG AHMAD²

^{1,2,3} University of Malaysia Sarawak, Sarawak, Malaysia
¹syufizaiskandar@gmail.com
²mjamilah@unimas.my
³adamaisha@unimas.my

*Corresponding author

ABSTRAK

Kesejahteraan komunikasi merupakan keselesaan dalam berbicara untuk menyampaikan sesuatu melalui seseorang atau medium yang lain dalam percakapan. Kehidupan bermasyarakat sememangnya memerlukan kesejahteraan komunikasi yang sesuai untuk di adaptasi dalam masyarakat tersebut supaya hidup secara aman dan selamat. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk melihat hubungan komunikasi di kawasan kediaman penduduk flat yang menyumbang kepada kesejahteraan komuniti. Kajian dijalankan secara tinjauan terhadap 100 responden yang merupakan penduduk dalam kalangan B40 untuk mengkaji kesejahteraan penduduk di Komuniti Perumahan Tanjung Kidurong, Bintulu. Hasil kajian mendapati jarak kediaman mempunyai hubungan yang signifikan dengan kekerapan berinteraksi dalam komuniti kejiranan (nilai-P <0.001). 90% responden menyatakan mereka lebih kerap bertegur sapa dengan jiran sebelah rumah di aras yang sama berbanding blok yang berbeza atau yang tinggal di tingkat bawah flat kediaman. Keakraban di antara kejiranan mempengaruhi corak interaksi dalam komuniti kediaman mereka. Dengan kata lain, kekerapan interaksi lebih mengeratkan lagi hubungan ahli dalam komuniti. Kesimpulannya, penduduk di kawasan padat seperti flat mampu mewujudkan suasana interaksi yang baik dalam bertegur sapa dan berkenalan dengan lebih akrab antara satu sama lain di dalam komuniti flat itu sendiri.

Kata Kunci: kesejahteraan komunikasi; perpaduan komuniti; interaksi; penduduk flat; hubungan kejiranan

ABSTRACT

Communication well-being is comfort in speaking to convey a message through someone or another medium in conversation. Community life requires the well-being of communication that is suitable for adaptation in the community in order to live peacefully and safely. The purpose of this study is to explore interaction in the residential area of flat residents that contributes to the well-being of the community. The respondents were 100 B40 residents in the Tanjung Kidurong Housing Community, Bintulu. The results showed that residential distance has a significant relationship with the frequency of interaction in the neighbourhood community ($p < 0.001$). Ninety percent of respondents stated that they often interact with next-door neighbours on the same floor rather than those on different blocks or who live on the ground floor of a residential flat. The closeness between neighbours influences the pattern of interaction in their residential community. In other words, the frequency of interaction further strengthens the relationship of members in the community. In conclusion, residents in compact areas such as flats can create a good atmosphere of interaction in greeting each other and getting to know each other more intimately within the flat community itself.

Keywords: communication well-being; community unity; interaction; flat dweller; neighborhood relations

Pengenalan

Menjelang tahun 2025 nanti sememangnya kepadatan penduduk di kawasan bandar semakin padat atas sebab pembukaan kawasan kediaman yang pesat dan pembukaan sektor industri yang semakin berkembang maju serta luas untuk peluang pekerjaan (Wan Yusof et al., 2021). Mengikut Rancangan Malaysia Ke 10, pada tahun 2011 sehingga 2015, pelaburan besar dilakukan untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat dari segi penjagaan kesihatan, program perumahan dan meningkatkan jangka hayat komuniti di Malaysia untuk kepuasan dan kesejahteraan rakyat. Jika diimbangi kembali pada Rancangan Malaysia Ke 11, bagi tahun 2016 sehingga 2020, juga menambah baik penekanan kepada kesepaduan sosial dan perpaduan nasional dalam memupuk kesejahteraan rakyat. Bertitik tolak daripada itu penyediaan perumahan mampu milik yang mencukupi serta strategik untuk kemampunan penduduk di sesebuah kawasan (Sengupta, 2019).

Rancangan Malaysia diperbaharui bagi 2021 sehingga 2025 serta dibaiki mengikut kesesuaian dan keperluan rakyat pada tahun semasa seperti Rancangan Malaysia ke-12 yang memberi tujuh keutamaan bagi memperkasa kehidupan rakyat. Di dalam Rancangan Malaysia ke-12 memberi keutamaan juga kepada mempercepatkan pembangunan di Sabah dan Sarawak serta negeri-negeri lain yang kurang membangun dengan memantapkan penyediaan infrastruktur dan kemudahan asas di negeri-negeri yang memerlukan seperti rumah mampu milik, ruang yang baik untuk keperluan berinteraksi dan kestabilan rakyat (Yusof, 2019). Secara faktanya, Rancangan Malaysia adalah memberi penekanan kepada agenda memperkasa bumiputera, bagi mengurangkan jurang di antara bumiputera dengan kaum lain (Berita Harian, 2021). Jelaslah bahawa, kesejahteraan dalam komuniti sangat dititikberatkan bagi mewujudkan keharmonian komuniti (Gur et al., 2019).

Mengimbangi kembali kejadian pada tahun 2021 iaitu berlaku satu pergaduhan di antara dua jiran berbangsa Cina yang mendatangkan kecederaan sangat serius antara satu sama lain (Othman, 2021). Hal ini terjadi diakibatkan isu pembuangan sampah di kawasan kediaman seperti kawasan perumahan RPR yang menimbulkan pergaduhan yang mendatangkan kecederaan kepada kedua-dua pihak. Tiada komunikasi yang baik serta melibatkan emosi akan mengurangkan komuniti bersifat kekitaan (Seligman, 2011). Bukan itu sahaja, memberi kesan kepada mental dan kesejahteraan dalam kejiranan untuk hidup bersepadu dalam ruang yang sama (Zhang, 2017).

Komuniti yang tinggal di semua jenis kediaman terutamanya flat kos rendah sebenarnya adalah membentuk masyarakat dalam komuniti yang aktif serta memenuhi ruangan persekitaran setempat (Ibrahim Saidu & Yeom, 2020). Kawasan kejiranan merupakan kumpulan yang berhubungan, tinggal dalam primitif yang sama melibatkan ruang, masa dan hubungan. Komuniti selalunya dirujuk sebagai unit sosial yang lebih besar berbanding isi rumah dan berkongsi nilai-nilai yang sama serta mempunyai ikatan kesepaduan sosial yang kuat (Helliwell et al., 2019). Oleh itu, inisiatif dilakukan oleh wakil komuniti atau agensi tempatan dalam mengenal pasti masalah komuniti menawarkan penyelesaian yang sesuai dan keutamaan keperluan komuniti berdasarkan penggunaan komunikasi secara berkesan untuk merangsang kesedaran dalam kalangan komuniti yang tinggal di kejiranan tersebut pentingnya interaksi (Aruma, 2018)

Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menjelaskan mengenai bagaimana kesejahteraan komunikasi sebagai peramal perpaduan komuniti dalam kalangan masyarakat di Sarawak, Malaysia. Objektif kajian adalah: (1) menjelaskan bagaimana hubungan sejahtera dan corak pergaulan dalam kehidupan seseorang mempengaruhi untuk berkomunikasi di antara jiran dan komuniti, dan (2) mengenal pasti faktor-faktor yang mewujudkan komunikasi di antara kejiranan untuk berinteraksi.

Sorotan Literatur

Terdapat kajian lepas mengenai kesejahteraan terhadap kehidupan dan kebergantungan kehidupan terhadap kejiranan serta komunikasi mewujudkan kesepakatan. Ini tinjauan sorotan meneliti kajian dari dimensi fizikal, sosial dan ruang tempat tinggal mengenai persepsi kesejahteraan yang dimiliki. Hari ini, orang banyak mendakwa bahawa mereka mempunyai kualiti hidup yang lebih tinggi daripada warga lain, kerana rumah yang lebih besar, tinggi pendapatan, dan pekerjaan yang baik (Samak, 2017). Hakikatnya mereka lebih tertekan kerana mereka kehilangan makna kehidupan yang sebenarnya yang harus dikecapi. Salah satu faktor penting yang perlu ada dalam kualiti dan kesejahteraan adalah mempunyai komunikasi yang baik terhadap orang sekeliling terutamanya komuniti setempat (Tran, 2018). Namun, pada era pemodenan kini lebih tertumpu kepada konsep kebergantungan di antara manusia seperti berinteraksi dan tumpuan kepada perbezaan dalam kehidupan dan pentadbiran (Choi, 2016).

Melihat kepada kajian-kajian lepas, Priyadarshine (2014), menyatakan bahawa komunikasi bersemuka sangat berkesan untuk mendapatkan maklumat terperinci dalam pembangunan sesuatu kawasan bagi kemudahan yang baik untuk penduduk di Sri Lanka. Kecekapan komunikasi sememangnya sangat padu dalam memujuk rayu atau memberitahu perihal dalam pembangunan komuniti (Priyadarshine, 2014). Penggunaan strategi komunikasi berbeza digunakan oleh pihak pemaju dalam kajian ini seperti komunikasi berkumpulan atau komunikasi secara peribadi bergantung pada sifat metodologi dan model komunikasi strategi yang digunakan. Oleh itu, pengkaji juga berhujah dalam kajiannya bahawa melaksanakan sesebuah pembangunan kawasan, sifat pihak pemaju itu sendiri menggunakan kaedah pendekatan komunikasi bersemuka dengan penduduk telah menjayakan banyak projek pembangunan bagi masyarakat.

Faktor luar seperti persekitaran, bahasa lontan berinteraksi dan faktor dalaman interpersonal seseorang seperti bagaimana seseorang mahupun komuniti untuk menerima perbezaan interaksi pelbagai secara serentak pada satu-satu masa. Kajian Abdul Khalil (2019) pula meneliti bagaimana interaksi sosial pelbagai etnik juga merupakan pengukuhan interaksi nasional. Kajian ini dijalankan secara temubual terhadap 12 orang pelajar. Dapatan kajian menunjukkan bahawa wujud stereotaip dan konflik seseorang individu untuk menerima sikap serta budaya yang berbeza terutamanya bahasa atau dialek. Oleh yang demikian, pengkaji juga mencadangkan strategi pengukuhan integrasi nasional patut dilaksanakan bagi merapatkan jurang yang jauh dalam interaksi, keharmonian dan perpaduan dalam komuniti.

Walau bagaimanapun, komunikasi bukan hanya terlibat dengan pembangunan modal insan sewaktu kecil dan remaja sahaja tetapi Mohd Noh (2016) berhujah kesepaduan masyarakat di sesebuah kawasan kejiranan juga memerlukan komunikasi atau kesepakatan. Dapatan bagi kajian ini adalah menyatakan faktor kes jenayah berleluasa kerana interaksi sesama penduduk di kawasan kejiranan yang kurang dan juga komunikasi dengan pihak pengurusan kawasan seperti Rukun Tetangga kurang atau tiada interaksi langsung. Pengkaji juga berhujah bahawa keadaan ini membimbangkan di mana perpaduan komuniti yang melihat kepada asas seperti interaksi atau komunikasi tidak di ambil peduli.

Komunikasi mempunyai potensi untuk merangsang kesedaran kesejahteraan komuniti yang mengambil bahagian dalam inisiatif pembangunan komuniti setempat.

Kajian Aruma (2018) meneliti peranan komunikasi terhadap pembangunan komuniti. Kajian ini menyatakan Komunikasi sememangnya mempunyai potensi besar untuk memberi kesedaran komuniti supaya benar-benar memahami bahawa mereka mempunyai keupayaan untuk mengenal pasti: (a) masalah mereka; (b) keperluan masyarakat; dan (c) mengutamakan komuniti mereka dengan sewajarnya. Oleh itu, pengkaji meneliti bahawa pembangunan komuniti amat bergantung kepada komunikasi, terutamanya dalam perkongsian maklumat dan idea yang relevan yang cukup diperlukan untuk meningkatkan aktiviti pembangunan komuniti dalam komuniti yang mengambil bahagian. Namun, kajian

ini tidak menyatakan secara terperinci berkenaan aktiviti atau program yang di ambil oleh komuniti untuk memperoleh peranan komunikasi.


Kesejahteraan mempengaruhi seseorang dalam menentukan komunikasi yang baik atau tidak terhadap orang sekeliling terutamanya komuniti. Kajian Gur et al. (2019) telah melakukan tinjauan terhadap 217 orang responden di enam lokasi di Bursa, Turki. Kajian ini mendapati bahawa interaksi juga boleh mengurangkan kemurungan mental manusia terutamanya penduduk dewasa dalam komuniti. Dapatan kajian ini mendapati faktor perumahan dan faktor kepuasan hubungan kejrangan memberi kesan terhadap interaksi sosial kejrangan. Namun demikian, kajian ini tidak dijelaskan hubungan kesejahteraan dengan interaksi secara terperinci. Namun, pergaulan dan interaksi bukan hanya terhad kepada warga tua dan pembesaran bandar mahupun perpaduan. Oleh itu, kajian untuk menjelaskan mengenai bagaimana kesejahteraan komunikasi sebagai peramal perpaduan komuniti dalam kalangan masyarakat di Sarawak, Malaysia amat penting.

Teori Model Kesejahteraan

Kajian ini menggunakan teori yang diadaptasi daripada Model Kesejahteraan oleh Martin Seligman (2011) yang pada dasarnya mempunyai tiga komponen iaitu Emosi Positif, Libat urus dan Hubungan. Kemudian, Seligman (2011) menambah dua lagi komponen, iaitu Makna dan Pencapaian untuk mencukupkan lima elemen kesejahteraan dalam teori beliau.

Rajah 1

Adaptasi daripada Model Kesejahteraan oleh Seligman (2011)



PERMA (Positive Emotion, Engagement, Relationships, Meaning, dan, Achievement dan Accomplishment) merupakan akronim terdiri daripada lima elemen yang dibangunkan oleh Seligman

(2011) dalam pembentukan makna “*Comfortable Life*”. Melihat kepada perspektif dasar setiap elemen bergantung dan saling berkaitan antara satu sama lain secara objektifnya (Seligman, 2018). Model PERMA mengambil lima elemen mudah yang Seligman percaya sebagai tonggak asas kesejahteraan manusia dan menyerlahkan bagaimana tumpuan untuk memastikan elemen ini diberi masa, perhatian dan tumpuan boleh membawa kepada kehidupan yang lebih bahagia (Ayse, 2018).

Kesejahteraan komunikasi di uji menggunakan lima elemen tersebut untuk membentuk perpaduan dalam komuniti seperti penuh dengan rasa: (a) *solidarity*, (b) kemakmuran; dan (c) keselamatan komuniti yang menjadikan masyarakat di sesebuah Kawasan. Faktor utama dalam kajian ini adalah tertumpu kepada sejahtera seseorang melalui hubungan baik terhadap kejiranan menerusi berkomunikasi. Bukan itu sahaja, keperibadian, sumber bahan yang diperoleh dan hubungan sosial merupakan kepentingan untuk bekerjasama dan percaya akan komunikasi di antara komuniti (Ross et al., 2018). Oleh itu, dalam menilai positifnya kualiti kehidupan seseorang bukanlah hanya menilai kehidupan diri sendiri sahaja tetapi berkaitan dengan kehidupan orang sekeliling seperti kebergantungan kehidupan untuk jaminan keselamatan diri seseorang.

Metodologi kajian

Keutamaan dan fokus penyelidikan ini adalah tentang bagaimana kesejahteraan dalam berkomunikasi sebagai peramal perpaduan komuniti dalam kalangan masyarakat di Sarawak. Kaedah kuantitatif menekankan pengukuran objektif dan statistik, atau angka data yang dikumpul melalui pemilihan, soal selidik, dan tinjauan, atau dengan memanipulasi data statistik yang sedia ada menggunakan teknik pengiraan. Penyelidikan kuantitatif memberi tumpuan kepada pengumpulan data berangka dan umumnya merentasi sesebuah kumpulan orang atau untuk menjelaskan fenomena (Basri, 2012).

Sampel yang sesuai bagi populasi sebanyak 600 sehingga 700 orang penduduk ialah 80 ke 120 sampel (Krejcie & Morgan, 1970). Data diperoleh daripada 100 orang penduduk di 125 flat kos rendah di Tanjung Kidurong. Penduduk kediaman flat di Perumahan Tanjung Kidurong, Bintulu terdiri daripada 100 orang responden dengan 70 orang (70.0%) responden perempuan dan 30 orang (30.0%) responden lelaki. Taburan responden sebegini sudah dijangka kerana responden kebanyakannya terdiri daripada suri rumah (Ali Amran, 2021).

Jadual 1 menunjukkan jumlah umur responden yang tinggi iaitu 41 sehingga 50 tahun sebanyak 42.0 % (42 orang), diikuti oleh responden berumur 31 sehingga 40 tahun sebanyak 41.0% (41 orang). Manakala responden berumur 21 sehingga 30 tahun sebanyak 13.0% (13 orang) dan 51 sehingga 60 tahun sebanyak 4.0% (4 orang) sahaja. Penduduk yang berumur 41 sehingga 50 tahun merupakan penduduk aktif yang berada di kawasan kejiranan (Zhang et al., 2017). Hal ini kerana lingkungan umur tersebut merupakan kumpulan yang aktif dalam menjalankan aktiviti rukun tetangga serta melibatkan diri dalam urusan permasalahan dan pengaduan kejiranan (Abdul Rahim et al., 2021).

Jadual 1

Umur

Umur	Peratusan (%)
21-30 Tahun	13.0
31-40 Tahun	41.0
41-50 Tahun	42.0
51-60 Tahun	4.0
N	100.0

Soal selidik menggunakan skala likert (1 sehingga 5 skala likert) untuk memudahkan pengkaji menganalisis hasil soal selidik dan menerima data yang sangat intensif (Ghazali & Sufean, 2016). Borang Soal Selidik mempunyai 25 item yang menguji komunikasi kesejahteraan. Nilai *Cronbach's Alpha* tinggi (0.958).

Gambar 1

Flat Sungai Plan, Bintulu



Dapatan Kajian dan Perbincangan

Indikasi Kesejahteraan

Jadual 2 menunjukkan statistik deskriptif faktor peramal yang mewujudkan komunikasi di antara kejiiran untuk berinteraksi iaitu skor min, dan sisihan piawai keseluruhan bagi setiap kategori faktor komunikasi.

Jadual 2

Dapatan skor Min dan Sisihan Piawai faktor-faktor yang mewujudkan komunikasi di antara kejiiran untuk berinteraksi (N = 100)

	Pemboleh ubah	Min	Sisihan Piawai	Varians
P	Positif Emosi	3.76	.718	.516
E	Libat Urus/ Keterlibatan	3.84	.725	.525
R	Hubungan	3.77	.728	.530
M	Makna/Maksud	3.83	.643	.414
A	Pencapaian	3.79	.762	.581
	Jumlah	3.80	.697	.486

Hasil kajian menunjukkan bahawa secara keseluruhannya kekerapan skor min yang tinggi ditunjukkan seperti faktor makna pada tahap yang tinggi kekerapannya (M = 3.84, SD = .615, n = 100), dengan libat urus atau keterlibatan sebagai faktor pilihan utama mereka dengan skor min (M = 3.86, SD = .697, n = 100), yang merupakan faktor di antara item 6 hingga 10.

Item 6, item 8, item 9 dan item 17 adalah item skor min paling tinggi (M = 3.86, SD = .697) di antara 25 item keseluruhannya, iaitu “Saya akan membalas teguran sekiranya jiran saya menyapa saya di koridor rumah”, “Saya akan melambai tangan ke arah jiran yang menegur saya apabila melihat saya di koridor rumah”, “apabila saya menegur jiran di halaman rumahnya beliau melambai tangan ke arah saya sebagai sapaan kepada saya”, dan “Saya akan membalas teguran sekiranya jiran saya menyapa saya di koridor rumah”. Dengan peratusan kekerapan yang di dapati daripada hasil dapatan bagi item 6 ialah

sebanyak 10.0% (n = 10) sangat bersetuju, manakala sebanyak 76.0% (n = 76) setuju dengan item tersebut, 16.0% (n = 16) agak setuju dan diikuti 2.0% (n = 2) menyatakan tidak setuju. Bagi item 8 pula sebanyak 10.0% (n = 10) sangat setuju, manakala 72.0% (n = 72) bersetuju dengan item tersebut, diikuti 14.0% (n = 14) menyatakan agak bersetuju, dan 2.0% (n = 2) menyatakan tidak setuju serta sangat tidak setuju dengan item tersebut. Untuk item 9 juga menunjukkan 10.0% (n = 10) sangat bersetuju, dan 72.0% (n = 72) menyatakan bersetuju dengan item tersebut. Bagi item 17 pula mempunyai 82.0% (n = 82) menyatakan bersetuju dengan item tersebut.

Dapatan menunjukkan faktor kesejahteraan komunikasi secara keseluruhan iaitu ≤ 3.80 (SD = .697) yang berada dalam tahap sederhana. Skor min paling tinggi adalah pada item 6, item 8, item 9 dan item 17 dengan taburan min ≤ 3.86 , SD = .697. Manakala item 12, item 13 dan item 23 mempunyai nilai taburan min yang terendah iaitu ≤ 3.72 .

Komponen faktor peramal PERMA menunjukkan penduduk di flat tersebut mempunyai emosi yang positif dalam berinteraksi, terlibat dalam aktiviti komuniti mereka secara baik, mempunyai hubungan yang akrab melalui komunikasi sesama mereka, bertegur sapa sesama jiran sangat bermakna terutamanya jiran sebelah rumah, dan solidariti dapat di capai dengan komunikasi sejahtera dalam kalangan penduduk flat tersebut (Kern & Butler, 2016; Seligman, 2011).

Secara keseluruhannya, faktor bagi interaksi sejahtera diakui dan diterima bagi penduduk Flat Sungai Plan serta sesuai untuk diuji guna pakai untuk masa kini. Melihat juga kepada nilai min yang semakin tinggi juga baik untuk kesejahteraan kejiranan terutamanya kesesuaian komunikasi kesejahteraan digunakan bagi mendapatkan perpaduan komuniti yang menghasilkan solidariti, kemakmuran dalam komuniti serta menghasilkan komuniti yang selamat dalam apa jua keadaan (Diener & Chan, 2011; Viljoen, 2018).

Untuk melihat hubungan di antara jarak kediaman, kekerapan berinteraksi dan hubungan seseorang individu dalam komuniti mereka, berikut merupakan hipotesis yang dibina:

Hipotesis 1: Terdapat hubungan antara hubungan seseorang individu dengan kekerapan berinteraksi seseorang individu dalam kejiranan.

Hipotesis 2: Terdapat hubungan antara jarak kediaman dengan kekerapan berinteraksi dalam komuniti kejiranan.

Hubungan di antara kekerapan berinteraksi seseorang individu dengan hubungan ikatan dalam kejiranan?

Pemboleh ubah yang diuji dalam hipotesis kajian ini adalah pemboleh ubah tidak bersandar (hubungan kejiranan) dan pemboleh ubah bersandar (kekerapan interaksi). Jadual 3 menunjukkan keputusan analisis ujian korelasi Spearman bahawa kekerapan berinteraksi seseorang individu mempunyai hubungan yang signifikan dengan hubungan ikatan dalam kejiranan (nilai $p < 0.01$). Aras signifikansi < 0.05 menentukan sama ada hipotesis nol di terima atau di tolak. Oleh itu, berdasarkan signifikansi bagi hipotesis menunjukkan nilai positif bermakna hipotesis nol di tolak iaitu menyatakan kekerapan berinteraksi seseorang individu tidak mempunyai hubungan dengan hubungan ikatan dalam kejiranan.

Jadual 3 juga menunjukkan nilai korelasi yang positif melalui beberapa item iaitu Makna (R = 1.00), Keterlibatan (R = 0.97) dan Pencapaian (R = 0.95). Hasil analisis juga menunjukkan mempunyai nilai korelasi sangat kuat iaitu nilai R = 1.00. Item Emosi Positif dan Hubungan pula mempunyai perkaitan kuat ($r = 0.82$).

Jadual 3*Korelasi dimensi hubungan kejiranan dengan kekerapan berinteraksi (N=100)*

Pemboleh ubah	Korelasi, R
Makna	1.000
Keterlibatan	.972**
Pencapaian	.950**
Emosi Positif	.824**
Hubungan	.820**

**Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed)

Walaupun hasil kajian menunjukkan signifikansi yang kuat, hasil analisis dapat menjelaskan bahawa komunikasi interaksi di antara kejiranan di pengaruhi oleh hubungan ikatan di antara jiran dan kekerapan mereka berinteraksi memberi pengaruh dan juga bagaimana faktor membawa kepada hasil yang bermakna dalam menjelaskan perkaitan hubungan pemboleh ubah tersebut seperti emosi positif, keterlibatan, hubungan, makna dan pencapaian (Ayse, 2018; Seligman, 2011) .

Jadual 4*Regresi dimensi peramal komunikasi kesejahteraan (N=100)*

Pemboleh ubah	R	R ²	Perubahan R
Pencapaian	.985 ^a	.970	
Emosi Positif	.997 ^b	.994	.024
Keterlibatan	.999 ^c	.998	.004
Makna	1.000 ^d	1.000	.002
Hubungan	1.000 ^e	1.000	.000

R= Pekali Spearman

R²= Nilai Regresi

Jadual 4 ialah keputusan analisis data menunjukkan bahawa bagi populasi kajian (saiz sampel = 100), lima variabel peramal, iaitu Emosi Positif (P1), Keterlibatan (P2), Hubungan (P3), Makna (P4) dan Pencapaian (P5) merupakan peramal bagi skor Indeks kesejahteraan komunikasi. Walau bagaimanapun, keputusan kajian menerima andaian pengkaji bahawa Emosi Positif, Keterlibatan, Hubungan, Makna dan Pencapaian merupakan peramal kesejahteraan komunikasi bagi penduduk yang tinggal di flat Sungai Plan tersebut.

Jadual 5*Hubungan ikatan kejiranan dengan kekerapan berinteraksi (N=100)*

ANOVA ^a		
Model	df	F
Regresi	5	72869.1
Residual	94	
Jumlah	99	

Jadual 6 menunjukkan skor Pencapaian [F (5,94) = 72869.1, p < .05] menyumbang sebanyak 97.0% varians (R² = .970) dalam skor kesejahteraan komunikasi. Ini bererti Pencapaian ($\beta = .219$, p < .05) atau emosi positif menghasilkan ramalan dalam komunikasi kejiranan yang banyak dalam masa yang singkat

merupakan petunjuk utama yang menyebabkan penduduk di flat tersebut mudah bergaul sesama sendiri terutamanya melalui jarak kediaman mereka.

Kombinasi Pencapaian dan Emosi Positif ($\beta = .206, p < .05$) menambah sebanyak (99.4 - 97.0)% atau 2.4% kepada varians ($R^2 = .994$) dalam komunikasi kesejahteraan. Walau bagaimanapun, Jadual 6 menunjukkan variabel peramal P2, P3 dan P4 kurang menyumbang kepada perubahan dalam komunikasi kesejahteraan kerana kombinasi variabel peramal P2 ($\beta = .208, p < .05$), P3 ($\beta = .185, p < .05$) dan P4 ($\beta = .209, p < .05$) dengan P1 ($\beta = .219, p < .05$) dan P5 ($\beta = .219, p < .05$) hanya menambah sebanyak (97.0 - 100.0)% atau 3.0% varians ($R^2 = 1.00$) dalam komunikasi kesejahteraan.

Jadual 6

Pekali konstruk peramal Kesejahteraan Koumnikasi (N=100)

Pemboleh ubah	Unstandardised Beta, β	Standardised Beta, β
Constant	- 1.443	
Pencapaian	0.200	0.219
Emosi Positif	0.200	0.206
Keterlibatan	0.200	0.208
Makna	0.200	0.185
Hubungan	0.200	0.209

Dapatan ini menjelaskan bahawa individu akan bertegur sapa secara kerap dengan jiran tetangga yang mereka akrab atau kenal lebih rapat dahulu. Kenalan yang rapat dengan seseorang jiran tersebut akan sentiasa berkunjung ke rumah kenalan yang mereka senang untuk meluangkan masa walaupun tinggal di blok berlainan (Ponizovskiy, 2018). Hubungan di sesuatu kawasan penduduk bermula dari berkenalan, menjalinkan hubungan yang mesra sesama jiran dan di situ akan berkongsi sesuatu minat dan latar belakang kehidupan masing-masing secara tidak langsung (Pfeiffer & Cloutier, 2016).

Hubungan antara jarak kediaman dan komunikasi yang berlaku di antara penduduk Flat Sungai Plan, Bintulu?

Pemboleh ubah yang diuji dalam hipotesis kajian ini adalah pemboleh ubah tidak bersandar (jarak kediaman) dan pemboleh ubah bersandar (komunikasi). Jadual 7 menunjukkan keputusan analisis ujian korelasi Spearman bahawa jarak kediaman mempunyai hubungan yang signifikan dengan kekerapan berinteraksi dalam komuniti kejiranan (nilai $p < 0.01$). Aras signifikansi < 0.05 menentukan sama ada hipotesis nol di terima atau di tolak. Oleh itu, berdasarkan signifikansi bagi hipotesis menunjukkan nilai positif bermakna hipotesis nol di tolak iaitu menyatakan jarak kediaman tidak mempunyai hubungan dengan kekerapan berinteraksi dalam komuniti kejiranan.

Jadual 7 juga menunjukkan nilai korelasi yang positif melalui beberapa item, iaitu jiran sebelah rumah, jiran berdepan pintu rumah, jiran tingkat bawah rumah, dan jiran berlainan blok iaitu “Saya bertegur sapa dengan jiran sebelah-menyebelah rumah saya untuk bertanyakan khabar berita mereka” ($r = 1.00$), “Saya bertegur sapa dengan jiran berdepan pintu rumah saya untuk bertanyakan khabar berita mereka” ($r = 0.998$), “Saya bertegur sapa dengan jiran tingkat bawah rumah saya untuk bertanyakan khabar berita mereka” ($r = 0.964$), dan “Saya bertegur sapa dengan jiran tingkat atas rumah saya untuk bertanyakan khabar berita mereka” ($r = 0.964$) mempunyai nilai sangat kuat ($R = 1.00$). Bagi item jiran tingkat atas rumah pula “Saya bertegur sapa dengan jiran selang beberapa blok dari rumah saya untuk bertanyakan khabar berita mereka” mempunyai nilai ($r = 0.857$) yang merupakan nilai kuat bagi perkaitan kekuatan nilai Pekali korelasi.

Jadual 7

Korelasi dimensi jarak kediaman dengan komunikasi yang berlaku dalam komuniti Flat Sungai Plan, Bintulu

Pemboleh ubah	Korelasi, R
Jiran Sebelah Rumah	1.000
Jiran berdepan pintu Rumah	.998**
Jiran Tingkat Atas Rumah	.857**
Jiran Tingkat Bawah Rumah	.964**
Jiran berlainan Blok	.964**

**Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed)

Menurut Schober et al. (2018), korelasi yang tidak linear walaupun pada kedudukan secara rawak dan ke arah positif masih di ambil kira sebagai korelasi yang mempunyai hubungan yang positif dan pada kedudukan nilai $R = 0.80$ ke atas merupakan hasil yang kuat antara hubungan yang di uji dalam kajian. Hasil analisis dapat menjelaskan bahawa komunikasi interaksi di antara kejiranan di pengaruhi pada jarak kediaman penduduk itu sendiri yang memberi pengaruh. Apabila rumah jiran berada di blok berlainan akan kurang berinteraksi melainkan mereka merupakan kenalan atau sentiasa berselisih sesama jiran (Ayse, 2018; Adedokun, 2010). Namun, jiran sebelah rumah atau berdepan pintu rumah merupakan individu yang kerap berkomunikasi dengan jiran setidaknya bertanya khabar seminggu sekali walaupun tidak mengenali secara akrab (Li, 2012).

Jadual 8

Analisis sumbangan bagi jarak kediaman dengan komunikasi penduduk flat

Model	R	R ² Square	Perubahan R ²
Jiran Sebelah Rumah	.959 ^a	.920	
Jiran Tingkat Bawah Rumah	.965 ^b	.932	.012

Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 8, nilai regresi (R^2) sebanyak 0.337 untuk dua item bagi menyumbang kepada konstruksi komunikasi di antara jarak kediaman penduduk iaitu Jiran Sebelah Rumah dan Jiran Tingkat Bawah Rumah. Dalam jadual ini, didapati bahawa apabila diukur secara berasingan, nilai regresi bagi Jiran Sebelah Rumah adalah 92.0% ($r = 0.920$), manakala apabila diukur bersama dimensi item Jiran Tingkat Bawah Rumah pula, nilai regresi yang diperoleh meningkat kepada 93.2% ($r = 0.932$). Seterusnya, kedua dimensi ini apabila diukur bersama, nilai regresi yang diperoleh ialah $\beta = 0.337$. Ini menjelaskan bahawa dua dimensi dalam komunikasi dipengaruhi oleh jarak kediaman iaitu Jiran Sebelah Rumah dan Jiran Tingkat Bawah Rumah menyumbang sebanyak 33.7% sebagai peramal kepada pemboleh ubah komunikasi dengan jarak kediaman. Nilai perubahan R^2 antara item Jiran Sebelah Rumah dan item Jiran Tingkat Bawah Rumah ialah 1.2% ($0.919 - 0.931 = 0.012$) menjadikan sumbangan kedua item ini kepada 93.1%. Tetapi adalah lebih baik mengambil kira item yang lain bagi meningkatkan perubahan R^2 sumbangan ke semua item ini kepada 33.7%, iaitu kenaikan sebanyak 1.2% lagi. Namun demikian, terdapat faktor lain yang menyumbang sebanyak 66.3% bagi faktor terhadap komunikasi yang mempengaruhi jarak kediaman bagi setiap penduduk.

Berdasarkan analisis yang dilakukan juga, kajian mendapati dua dimensi pemboleh ubah tidak bersandar iaitu item Jiran Sebelah Rumah dan item Jiran Tingkat Bawah Rumah sebagai peramal kepada pemboleh ubah bersandar iaitu komunikasi antara kejiranan. Di antara dua pemboleh ubah ini, dimensi item Jiran Sebelah Rumah merupakan pemboleh ubah yang dominan. Ini bermakna, item Jiran Sebelah Rumah merupakan faktor utama kepada komunikasi yang terjalin di antara jarak kediaman penduduk secara langsung. Tiga lagi item pemboleh ubah tidak bersandar iaitu item Jiran Berdepan Pintu Rumah,

item Jiran Tingkat Atas Rumah dan Jiran Berlainan Blok diketepikan daripada analisis regresi kerana didapati tidak menjadi peramal secara signifikan kepada pemboleh ubah bersandar.

Berdasarkan dapatan analisis regresi yang dijalankan bagi kajian ini, didapati bahawa item Jiran Bersebelahan Rumah merupakan faktor utama dalam hubungan yang positif bagi jarak kediaman dan komunikasi di antara penduduk kediaman flat. Analisis ini selaras dengan saranan Zhang et al. (2017) bahawa interaksi seseorang individu ditentukan oleh jarak kediaman masing-masing di antara jiran mereka. Walau bagaimanapun, kesemua item iaitu Jiran Sebelah Rumah, Jiran berdepan pintu Rumah, Jiran Tingkat Atas Rumah, Jiran Tingkat Bawah Rumah, dan Jiran berlainan Blok sebenarnya memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi komunikasi yang baik dan lancar di antara kejiranan dalam konteks perpaduan kaum. Hasil kajian juga menunjukkan beberapa faktor yang mungkin tiada dalam item mahupun faktor luar turut menyumbang kepada kesejahteraan komunikasi penduduk setempat seperti di kediaman flat.

Jadual 9

Hubungan jarak kediaman dengan komunikasi penduduk flat

ANOVA ^a		
Model	df	F
Regresi	2	665.241
Residual	98	
Jumlah	99	

Seterusnya, Jadual 9 merupakan analisis ANOVA yang menunjukkan bahawa nilai F (2, 99) = 665.241, p<0.05. Nilai pekali bagi dua dimensi konstruk ini adalah signifikan pada aras 0.05. Oleh itu, hipotesis nul ditolak. Keputusan ujian ANOVA menunjukkan model 2 regresi pelbagai yang di bentuk oleh pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah peramal adalah signifikan dan ini menunjukkan kedua item tersebut merupakan faktor peramal kepada jarak kediaman penduduk dan komunikasi penduduk.

Model regresi pelbagai yang di bentuk oleh pemboleh ubah bersandar dengan pemboleh ubah peramal didapati signifikan iaitu komunikasi berlaku di sebabkan jarak kediaman = - 0.244 + 0.726 (Jiran Tingkat Bawah Rumah) + 0.328 (Jiran Bersebelahan Rumah). Keputusan yang signifikan menunjukkan bahawa model regresi yang dibentuk oleh item tersebut dengan bagaimana komunikasi terbentuk melalui jarak kediaman penduduk dapat digeneralisasikan kepada populasi penduduk tersebut.

Jadual 10

Pekali konstruk jarak kediaman dengan komunikasi penduduk flat

Pemboleh ubah	<i>Unstandardised Beta, β</i>	<i>Standardised Beta, β</i>
Constant	- 0.244	
Jiran Sebelah Rumah	0.328	0.337
Jiran Tingkat Bawah Rumah	0.726	0.641

Dalam Jadual 10, nilai pekali Beta bagi item-item iaitu Jiran Sebelah Rumah (B = 0.337, p<0.05) , dan Jiran Tingkat Bawah Rumah (B= 0.641, p<0.05) adalah peramal kepada jarak kediaman dan komunikasi penduduk.

Dapatan ini menjelaskan bahawa individu akan bertegur sapa secara langsung dengan jiran tetangga yang bermula dengan jiran sebelah rumah dan diikuti jiran yang berlainan blok atau tingkat yang berlainan di flat kediaman mereka bagi menjalinkan hubungan yang sejahtera dengan penduduk kediaman mereka sendiri. Walaupun tidak mengenali jiran sebelah rumah dengan akrab, perpaduan akan terbentuk dengan sifat yang positif di tunjukkan oleh jiran sekeliling terutamanya jiran sebelah rumah (Yamamoto, 2015).

Perbincangan

Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa peramalan kesejahteraan komunikasi sebagai salah satu wujud perpaduan dalam kejiranan setempat. Hal ini dikatakan kerana analisis menyatakan jarak kediaman mempunyai hubungan yang signifikan dengan interaksi sosial penduduk di Flat Sungai Plan, Bintulu yang menunjukkan bahawa semakin dekat rumah jiran tetangga semakin kerap mereka bertegur sapa bertanyakan khabar. Dapatan dapat diperkukuhkan dengan Gur (2019) menyatakan bahawa kesejahteraan komunikasi merujuk kepada kemampuan individu atau komuniti untuk berkomunikasi secara efektif dan menjalinkan hubungan yang positif dengan orang lain. Untuk mencapai kesejahteraan komunikasi, seseorang atau komuniti perlu mempunyai akses kepada alat komunikasi yang sesuai dan berkualiti, serta memiliki kemahiran berkomunikasi yang baik (Adedokun, 2010). Ini termasuk kemahiran mendengar, bertutur, dan menulis dengan baik, serta memahami maklumat yang disampaikan oleh orang lain (Paralkar, 2017). Penduduk “Bottom 40” sebenarnya menjadi tumpuan utama dalam kajian melalui kesejahteraan komunikasi yang terjalin di antara penduduk flat di Sungai Plan, Bintulu adalah sangat baik dan mereka berada dalam keadaan perpaduan yang baik dan sejajar dengan bagaimana RMK-12.

Analisis juga mendapati bahawa faktor peramal daripada Model Kesejahteraan memberi impak yang berkesan terhadap perpaduan masyarakat secara signifikannya. Responden yang juga bergerak seiring dengan peredaran masa kini dalam sibuk bekerja namun masih melihat kepada pentingnya keharmonian serta hubungan yang akrab dengan jiran tetangga mahupun di sebelah rumah dan blok yang berlainan (Ross, 2018). Dapatan ini juga selari dengan Pfeiffer dan Cloutier (2016) bahawa sebahagian besar keharmonian kita didorong oleh sifat-sifat yang ada pada diri kita mahupun orang sekeliling. Kesejahteraan walaupun perlu di pupuk dari berinteraksi dengan orang sekeliling namun perlu melihat juga bagaimana kebahagiaan tercapai dalam emosi seseorang untuk bertegur sapa dengan sesiapa pun termasuk jiran sebelah rumah.

Walau bagaimanapun, mengubah keadaan hidup, seperti pendapatan, pekerjaan, dan status perkahwinan juga boleh membawa seseorang dengan sesuatu yang tertentu tahap asas kesejahteraan dalam memilih bahagian kejiranan yang baik serta sesuai dengan kehidupan yang dijalankan bagi berinteraksi dengan kejiranan yang di pilih (Jokela et al., 2015). Terdapat banyak konsensus pada individu ciri-ciri yang membawa kepada kesejahteraan merentasi status kedudukan warga di sesebuah tempat tinggal. Kajian ini sememangnya melihat bagaimana penduduk dewasa, malah berpendapat jantung juga berkaitan mempengaruhi bagaimana komunikasi sehala atau dua hala berlaku dengan baik serta melibatkan emosi yang positif untuk mencapai kesepakatan dalam kejiranan mereka.

Memandangkan kecenderungan orang yang sangat gembira untuk memiliki hubungan sosial yang mendalam dan memenuhi, Diener dan Seligman (2002) mencadangkan “Makanan dan termoregulasi adalah faktor sejagat yang mempengaruhi perasaan orang, dan begitu juga hubungan sosial yang sihat”. Penglibatan sosial menghubungkan kita dengan orang lain dan menghalang kita daripada terpencil, yang mungkin membantu untuk meningkatkan *mood* bergaul yang baik dan kebahagiaan sepanjang kitaran hayat (Hawton et al., 2011). Kesejahteraan komunikasi membolehkan kita bergantung pada perhubungan kita untuk mendapatkan pengetahuan dan sumber serta menyelesaikan sesuatu. Kepercayaan yang lebih besar daripada orang lain pula dikaitkan dengan kesejahteraan yang lebih baik (Donaldson et al., 2022).

Kesimpulan

Kesejahteraan komunikasi merupakan peramal dalam perpaduan komuniti terutamanya dalam faktor kepada peramal kesejahteraan komunikasi menunjukkan bahawa bagaimana komuniti menunjukkan Emosi Positif, Keterlibatan, Hubungan, Makna dan Pencapaian merupakan faktor yang berkaitan dengan kesejahteraan penduduk setempat yang mewujudkan perpaduan (Donaldson et al., 2022). Bukan itu

sahaja, jarak kediaman juga menunjukkan hubungan yang signifikan dengan interaksi kejiranan. Kesejahteraan komunikasi merupakan aspek penting bagi kemajuan individu dan masyarakat.

Untuk mencapai kesejahteraan komunikasi, seseorang atau komuniti perlu mempunyai akses kepada alat komunikasi yang sesuai dan berkualiti, serta memiliki kemahiran berkomunikasi yang baik (Murillo et al., 2020). Ini termasuk kemahiran mendengar, bertutur, dan menulis dengan baik, serta memahami maklumat yang disampaikan oleh orang lain. Kesejahteraan komunikasi juga berkaitan dengan keupayaan individu atau komuniti untuk berkomunikasi dengan orang lain yang berbeza, termasuk orang yang berlainan bangsa, agama, atau bahasa (Ibrahim, 2017). Ini mencakup kemampuan untuk bekerjasama dan memahami pendapat orang lain, serta menghargai perbezaan individu. Keakraban di antara kejiranan mempengaruhi corak interaksi dalam komuniti kediaman mereka. Dengan kata lain, kekerapan interaksi lebih mengeratkan lagi hubungan ahli dalam komuniti. Kajian ini hanya tertumpu kepada Komuniti Perumahan Taman Kidurong yang tinggal di kawasan flat murah. Kajian pada masa hadapan dicadangkan untuk mengkaji komunikasi sosial mengikut taraf kehidupan (B40, M40 & T20) komuniti khususnya di Malaysia. Kajian sebegini dapat membentuk kumpulan komunikasi yang mempengaruhi secara baik komuniti tempat tinggal mereka dan boleh dijadikan panduan untuk pembangunan modal insan serta pembangunan ke arah kemajuan negara.

Kesejahteraan komunikasi merupakan aspek penting bagi kemajuan individu dan masyarakat. Ia dapat membantu individu mencapai potensi mereka, serta membantu masyarakat bekerjasama dan memecahkan masalah bersama-sama. Oleh itu, penting untuk mempromosikan kesejahteraan komunikasi di dalam masyarakat. Kesimpulannya, penduduk di kawasan padat seperti flat mampu mewujudkan suasana interaksi yang baik dalam bertegur sapa dan berkenalan dengan lebih akrab antara satu sama lain di dalam komuniti flat itu sendiri.

Rujukan

- Abdul Khalil, A., Abd Rahman, R., & Mak Din, H. A. (2019). Kajian interaksi sosial dalam kalangan pelajar pelbagai etnik ke arah pengukuhan integrasi nasional. *PASAK3*, KUIS.
- Abdul Rahim, N. R., Mohd Noor, K., Amat, M. I, Mohd. Noor, N., & Mohd Dzolkifli, N. I. N. (2021). Komunikasi pembangunan komuniti, kebersihan dan penyelenggaraan di kalangan pertubuhan berdaftar di bawah JPPM. *AL-I'LAM – J. Contemp. Islam. Comm. & Media*, Volume 1(2). Doi: <https://doi.org/10.33102/jcicom.vol1no2.21>
- Adedokun, M. , & Adeyemo, C. (2010). The impact of communication on community development. *Journal of Communication*, 1(2), 101-105. Doi: 10.1080/0976691X.2010.11884775
- Ali Amran, I. N., Saari, Z., Elias, Z. A., & Mohd Rosli, N. A. (2021). Cabaran Kesejahteraan Suri Rumah Berpendidikan Tinggi. *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled*, Vol14.
- Ayşe, E. B. (2018). Adaptation of the PERMA well-being scale into Turkish: Validity and reliability studies. *Academic Journals*, 13(4), 129-135. Doi: 10.5897/Err2017.3435
- Aruma, E. O. (2018). Roles of communication in community development. *International Journal of Network and Communication Research*, 5(1), 1-10.
- Basri, M. (2012). *Model Polisi Maklumat: Kes Malaysia*. Doi: 10.13140/Rg.2.1.1705.1607
- Berita Harian*. (2021, Oktober 3). RMK-12 Persiap Keluarga Malaysia Bangkit Pasca Pandemik. <https://www.bharian.com.my/Nasional/2021/10/871779/Rmk-12-Persiap-Keluarga-Malaysia-Bangkit-Pasca-Pandemik>
- Butler, J., & Kern, M. L. (2016). The PERMA-Profilier: A brief Multidimensional Measure of Flourishing. *International Journal of Wellbeing*, 6(3), 1-48. Doi: 10.5502/ijw.v6i3.526
- Choi, Y. J., & Matz-Costa, C. (2017). Perceived neighborhood safety, social cohesion, and psychological health of older adults. *The Gerontologist*, 1-11. Doi: 10.1093/geront/gnw187

- Diener, E., & Seligman, M. E. (2002). Very happy people. *Psychological Science*, 13(1), 81–84. <https://doi.org/10.1111/1467-9280.00415>.
- Diener, E., & Chan, M. (2011). Happy people live longer: Subjective wellbeing contributes to health and longevity. *Applied Psychology: Health and Wellbeing*, 3(1), 1-43. <http://dx.doi.org/10.1111/j.1758-0854.2010.01045.x>
- Donaldson, S. I., Van, Z. L., & Donaldson, S. I. (2022). A framework for work-related wellbeing, *performance and positive organizational psychology 2.0. Frontiers in Psychology*. Doi: 10.3389/fpsyg.2021.817244
- Ghazali, D., & Sufean, H. (2016). Metodologi penyelidikan dalam pendidikan (2nd ed.). Penerbit UM
- Gur, M., Murat, D., & Sezer, F. S. (2019). The effect of housing and neighborhood satisfaction on perception of happiness in Bursa, Turkey. *Journal of Housing and The Built Environment*. <https://doi.org/10.1007/s10901-019-09708-5>
- Hawton A., Green, C., Dickens, A. P., Richards, S. H., Taylor, R. S., Edwards, R., & Campbell, J. L. (2011). The impact of social isolation on the health status and health-related quality of life of older people. *Quality Of Life Research*, 20(1), 57–67. Doi:10.1007/s11136-010-9717-2
- Helliwell, J. F., Shiple, H., & Barrington, L.C.P. (2019). How happy are your neighbours? Variation in life satisfaction among 1200 Canadian neighbourhoods and communities. <https://doi.org/10.1371/Journal.Pone.0210091>
- Ibrahim Saidu, A., & Yeom, C. (2020). Success criteria evaluation for a sustainable and affordable housing model: A case for improving household welfare in Nigeria Cities. *Sustainability*, 12, 656. Doi:10.3390/su12020656
- Ibrahim, Y. M. (2017). Pengaruh amalan komunikasi terhadap penglibatan belia dalam kesukarelawanan. *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space*, 13(4), 80-92.
- Jokela, M., Bleidorn, W., Lamb, M. E., Gosling, S. D., & Rentfrow, P. J. (2015). Geographically varying associations between personality and life satisfaction in the London Metropolitan Area. *Proceedings of The National Academy of Sciences*, 112(3), 725–730. Doi: 10.1073/Pnas.1415800112
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610.
- Lucas, R., & Diener, E. (2008). Personality and subjective well-being. In E. Diener (Ed.), *The science of well-being: The collected works of Ed Diener* (pp. 75-102). New York, Ny: Springer.
- Li, Y. (2012). Analysis of the planning of neighborhood communication space in the livable community. *Applied Mechanics and Materials*, 174-177, 3018-3022. Doi: 10.4028/www.scientific.net/AMM.174-177.3018
- Mohd Noh. M. A., Ilias, M. F, Husain, K., Sulaiman, M. S, & Abdullah, M. (2016). Inisiatif dan usaha guru dalam meningkatkan pengetahuan semasa penggunaan bahan bantu mengajar. *Journal of Social Science and Humanities*, 3.
- Murillo, R., Doss, D., Yanez, J., & Ortega, L. (2019). The association between seeing people walk and neighborhood social cohesion. *Health Behav Policy Rev.*, 6(2), 174-181. Doi: 10.14485/HBPR.6.2.6.
- Othman, M.I. (2021, April 20) Serang jiran gara-gara najis burung merpati. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/134431/Edisi/Na/Serang-Jiran-Gara-Gara-Najis-Burung-Merpati>
- Parakal, L., Polley, C., Cloutier, S., Berejnoi, E., & Colvert, J. (2017). Happiness in communities: How neighborhoods, cities, and states use subjective well-being metrics. *Journal Of Social Change*, 9(1), 32-54. Doi: 10.5590/Josc.2017.09.1.03
- Pfeiffer, D., & Cloutier, S. (2016). Planning for happy neighborhood. *Journal Of The American Planning Association*. Doi:10.1080/01944363.2016.1166347

- Priyadarshine, P. K. D. (2014). The effectiveness of the communication in community development projects implemented by the Non-Governmental Organizations (Ngos) in Sri Lanka. *Journal Of Social Sciences*, 6(1), 31-45. [Http://Repository.Kln.Ac.Lk/Handle/123456789/11017](http://Repository.Kln.Ac.Lk/Handle/123456789/11017)
- Ponizovskiy, V., & Grigotyan, L. K. (2018). The three facets of national identity: Identity dynamics and attitudes toward immigrants in Russia. *International Journal of Comparative Sociology*, 59(5-6). <https://doi.org/10.1177/0020715218806037>
- Ross, A., Talmage, C. A., & Searle, M. (2018). Toward a flourishing neighborhood: The association of happiness and sense of community. *Applied Research in Quality of Life*. <https://doi.org/10.1007/s11482-018-9656-6>
- Seligman, M. (2011). *Flourish: A visionary new understanding of happiness and well-being*. Free Press, New York.
- Samak, Y. A. A. (2017). Quality of life for youth to elderly: How value and happiness are perceived in a case study of Egypt-based Gis. *Papers In Applied Geography*, 3(2), 129-142. <https://doi.org/10.1080/23754931.2016.1268971>
- Seligman, M. (2018): Perma and the building blocks of well-being. *The Journal of Positive Psychology*. Doi: 10.1080/17439760.2018.1437466
- Seligman, M. (2002). *Authentic Happiness: Using the New Positive Psychology Movement to realise your potential for lasting fulfillment*. New York: Free Press.
- Sengupta, U. (2019). State-led housing development in Brazil and India: A machinery for enabling strategy? *International Journal of Housing Policy*, 19(4), 509-535. Doi: 10.1080/19491247.2018.1510076.
- Schober, P., Boer, C., & Schwarte, L. Correlation coefficients: Appropriate Use and Interpretation. *Anesthesia and Analgesia*, 126(7). Doi: 10.1213/ANE.0000000000002864
- Tran, T. Q., & Van vu, H. (2018). A microeconomic analysis of housing and life satisfaction among the Vietnamese elderly. *Quality & Quantity*, 52, 849-867.
- Viljoen, J. C. (2018). Investigating the use of the PERMA Theory of wellbeing in the New Zealand General Social Survey. *Massey University*. <http://hdl.handle.net/10179/14631>
- Wan Yusof, W. Z., Tuan Ismail, T. N., & Tan Abdullah, I. S. (2021). Realiti pelaksanaan perumahan mampu milik di Malaysia. *Journal of Administrative Science*, 18(2), 306-319.
- Yamamoto, M. (2015). Assessing the role of local communication networks in neighborhood disorder and crime. *Communication Research*, 1-22. Doi: 10.1177/0093650215570659
- Yusof, N. (2019). Faktor penyumbang kepada tekanan perumahan di kawasan perumahan kos rendah dan sederhana rendah di Pulau Pinang. *Kemanusiaan*, 26(1), 143-171. http://web.usm.my/kajh/vol26_1_2019/kajh26012019_06.pdf.
- Zhang, Z., & Zhang, J. (2017). Perceived residential environment of neighborhood and subjective well-being among the elderly in China: A mediating role of sense of community. *Journal of Environmental Psychology*, 51, 82-94. Doi: <https://doi.org/10.1016/j.jenvp.2017.03.004>

e-PROCEEDING
OF 4th INTERNATIONAL CONFERENCE ON
MEDIA AND SOCIETY (iC-MAS2022)

